

TPM akan pengerusikan Jawatankuasa Kecil Kabinet Bioteknologi

UM 13 AIG 2004

KUALA LUMPUR 12 Ogos — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mempengerusikan Jawatankuasa Kecil Kabinet Mengenai Bioteknologi yang berperanan merangka agenda untuk memanfaatkan biodiversiti sebagai sumber kekayaan baru bagi negara.

Kata Abdullah, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan memainkan peranan penting dalam jawatankuasa itu yang akan turut dianggotai oleh beberapa agensi dan institusi penyelidikan berkaitan.

Menurutnya, idea mengenai penubuhan jawatankuasa itu yang dicadangkan pada Seminar Industri Pengetahuan Hutan Hujan Kebangsaan, Mei lalu telah dimaklumkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan diterima baik.

“(Kini) kumpulan pakar mengenai biodiversiti mempunyai tanggungjawab menyediakan kertas kerja untuk dikemukakan kepada kabinet misalnya mengenai bagaimana jalinan kerja-sama perlu diwujudkan atau sama ada perlu terus wujudkan kumpulan perunding bagi menangani isu itu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menutup Bengkel Perancangan Strategik Mengenai Industri Pengetahuan Hutan Hujan anjuran bersama Pejabat Timbalan Perdana Menteri dan Universiti Putra Malaysia (UPM) di Kajang, dekat sini hari ini.

Menurut Abdullah, mesyuarat pertama jawatankuasa itu akan diadakan selepas beliau menerima laporan daripada kumpulan pakar berhubung syorsor bagi mengurus sumber kekayaan baru negara itu.

Beliau tidak menolak kemungkinan industri pengetahuan hutan hujan akan menjadi bidang yang paling awal diberi perhatian oleh jawatankuasa berkenaan.

Abdullah turut bersetuju dengan cadangan menjadikan UPM sebagai pangkalan menggerakkan agenda tersebut.

“UPM akan menjadi agensi utama yang menerajui usaha ke arah mengekal dan memanfaatkan sumber biodiversiti negara khususnya industri berasaskan pengetahuan mengenai hutan hujan,” katanya.

Baginya, tidak timbul isu pertindihan kuasa antara kementerian atau agensi tertentu dengan jawatankuasa yang baru ditubuhkan itu kerana semua pihak boleh memberi pandangan bagi merangka tindakan yang dapat membawa kebaikan bersama.

Abdullah turut yakin kesungguhan yang ditunjukkan oleh kerajaan terhadap perkara itu yang “mampu menarik penyertaan pakar-pakar asing di bidangnya tersebut untuk menialankan kaitan dengan institusi penyelidikan tempatan.